

Diskriminasi Kaum Di Negara Brunei Darussalam Dalam Situasi Pandemik Gelombang Kedua COVID-19

[Racial Discrimination in Brunei Darussalam in The Second Wave of COVID-19 Pandemic Situation]

Wafiqah Asnola¹ and Zulfadzlee Zulkiflee²

Program Bahasa Melayu dan Linguistik

Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam

Abstrak

Isu diskriminasi antara kaum telah tular di media sosial berikutan isu pemberian vaksin secara jumpa terus yang mula dibukakan di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup pada hari Jumaat, 24 September 2021. Jumlah orang ramai yang ingin mengambil vaksin telah melebihi jangkaan sehingga menyebabkan keadaan menjadi tidak terkawal dan berlakunya pelanggaran Prosedur Pengendalian Standard (SOP). Kajian ini dijalankan untuk membincangkan isu diskriminasi kaum yang berlaku semasa gelombang kedua pandemik COVID-19. Penelitian menggunakan metode kualitatif secara deskriptif. Data yang diperolehi daripada komen-komen dalam halaman Brunei Dot Com, dan Facebook ini seterusnya dianalisis menggunakan model tiga dimensi Fairclough (1992). Hasil kajian mendapati kesemua komen telah menunjukkan sikap diskriminasi dalam kalangan masyarakat Brunei secara sedar ataupun tidak. Isu diskriminasi ini bukan sahaja dapat dilihat dari sudut representasi linguistik, tetapi juga penghasilan dan pewahanaan wacana berkaitan pada halaman Brunei Dot Com, dan Facebook. Kajian ini juga menunjukkan bahawa wacana bukan saja mampu dibentuk masyarakat tetapi juga membentuknya.

Kata kunci: diskriminasi, bangsa asing, analisis wacana kritis, Fairclough

Abstract

The issue of racial discrimination concerning the commencement of walk-in vaccination at the Indoor Stadium Vaccination Centre on Friday, 24 September 2021 was widely addressed in the social media. Chaos ensued as an influx of people attended the centre and violated the Standard Operating Procedure (SOP). This paper examines the issue of racial discrimination during the second wave of COVID-19 pandemic in Brunei. As a qualitative-descriptive study, data obtained from Brunei Dot Com, and Facebook page, were analysed using Fairclough's (1992) three-dimensional approach. Findings have shown presence of discriminatory attitudes among the local community displayed as deliberately or unintentionally. This is

¹ Contact: wafiqahasnola@gmail.com

² 24zulfadzlee@gmail.com

manifested in its linguistic representations, discourse production and consumption in the selected Brunei Dot Com and Facebook pages. This study indicates that a discourse is not only capable of shaping but is also shaped by the community.

Keywords: discrimination, foreigner, critical discourse analysis, Fairclough

Pendahuluan

Komunikasi merupakan proses penyampaian atau penerimaan lambang-lambang yang mengandungi maklumat, fikiran dan pengetahuan (Sinta Kartikasari, 2020). Perkembangan teknologi memudahkan manusia berkomunikasi tanpa memikirkan jarak, ruang dan waktu, sama ada secara tradisional maupun moden. Antaranya ialah melalui media massa khususnya media elektronik seperti telefon pintar. Melalui kemudahan ini, komunikasi berkembang menggunakan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Reddit dan Twitter yang mempunyai peranan signifikan dalam menyampaikan gagasan kepada orang ramai (Sobur, 2009).

Selaras dengan keadaan dunia yang kini digemparkan dengan penularan wabak COVID-19 atau severe acute respiratory syndrome coronavirus 2 (SARS-Cov-2), maklumat berkenaan COVID-19 yang pertama kali disahkan di Wuhan, China, dan seterusnya merebak ke peringkat global (Khan et. al, 2021: 14) telah menjadi tular di semua laman sosial. Situasi yang sama juga berlaku di Negara Brunei Darussalam (seterusnya NBD) yang tidak terkecuali daripada dilanda pandemik ini. Kini, NBD dilanda gelombang kedua penularan wabak COVID-19 yang disahkan pada 7 Ogos 2021. Dalam usaha Kementerian Kesihatan membendung dan mengawal penularan wabak COVID-19, banyak isu tular telah timbul di media sosial. Antaranya ialah isu pembelian panik (panic buying), isu sekatan pergerakan (lockdown) dan isu diskriminasi kaum semasa proses pengambilan vaksin di Pusat Vaksinasi, Stadium Tertutup.

Sehubungan itu, kajian ini membincangkan isu diskriminasi kaum terhadap warga asing di Pusat Vaksinasi, Stadium Tertutup. Fokus kajian ialah untuk menganalisis wacana berbaur diskriminasi menerusi komen-komen pengguna Facebook dalam konteks Brunei, iaitu semasa pandemik gelombang kedua COVID-19. Kajian ini diharap akan dapat membuka minda serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu diskriminasi yang berlaku di media sosial.

Permasalahan Kajian

Isu diskriminasi kaum memang tidak asing lagi dan dialami bukan sahaja di NBD, bahkan di negara-negara lain. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2008), diskriminasi ialah perlakuan yang membeza-bezakan warna kulit atau keturunan seperti terhadap bangsa yang berkulit hitam. William et. al (2012) berpendapat bahawa isu diskriminasi boleh berlaku dalam pelbagai bentuk tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Terdapat banyak kajian dilakukan yang berkaitan dengan isu tersebut seperti kajian Wieke Ayu Pratiwi (2012) yang membincangkan isu diskriminasi golongan wanita dalam berita harian Surya. Selain itu, isu diskriminasi

kaum bukan sahaja dilihat dari warna kulit atau jantina, malahan meliputi hal-hal sektor pekerjaan, agama dan sebagainya.

Pada 23 September 2021, Kementerian Kesihatan mengumumkan pembukaan Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup bermula 24 September 2021, setiap hari Jumaat pada jam 2.30 petang hingga 8 malam. Penambahan waktu vaksinasi ini adalah bagi semua orang awam yang belum menerima dos pertama sama ada menerusi temu janji atau secara jumpa terus (Kementerian Kesihatan, 2021). Hal ini menyebabkan berlakunya kekacauan awam akibat pelanggaran Prosedur Pengendalian Standard (SOP) dengan jumlah orang ramai yang ingin mengambil vaksin melebihi dari jangkaan. Berikutnya peristiwa ini, isu layanan petugas barisan hadapan terhadap warga asing yang ingin mengambil vaksin menjadi topik tular di media sosial. Pelbagai persepsi warga tempatan telah ditemukan khususnya di Facebook berkenaan warga asing sehingga wujudnya sikap perkauman dan diskriminasi sama ada secara sengaja atau sebaliknya. Berpandukan model tiga dimensi Fairclough (1992), kajian ini akan membincangkan isu diskriminasi kaum dalam situasi gelombang kedua pandemik COVID-19 berdasarkan berita tular di media sosial Facebook berkenaan pengendalian proses vaksinasi secara jumpa terus.

Kerangka Teori


Menurut Wodak (1999:7), istilah ‘wacana’ digunakan dalam konteks dan bidang berbeza seperti bidang sains kemanusiaan dan sains sosial, termasuk cabang yang diterapkan dalam linguistik gunaan. Istilah ini menyebabkan berlakunya kekaburuan semantik dan fleksibiliti terminologi berskala besar. Istilah ‘analisis wacana kritis’ (seterusnya AWK) pula meneliti penggunaan bahasa sebagai bentuk praktik sosial yang terikat pada sejarah dan konteks tertentu (Janks, 1997). Wacana kritis bukan hanya sekadar ungkapan praktik sosial tetapi juga merujuk kepada keseluruhan rangkaian mekanisme tertentu (Foucault, 1996:394). Misalnya, AWK menganalisis isu diskriminasi dan kuasa yang dimanifestasikan dalam bahasa atau wacana (Wodak & Meyer, 2009:10).

AWK dibina berdasarkan teori wacana Foucault yang merujuk istilah ‘wacana’ sebagai praktik dan sistem perwakilan yang berhubung kait dengan teori linguistik sistemik fungsional dan semiotik sosial Halliday (Hoepfner, 2006:4). Fairclough (1989: 42) mendefinisikan ‘wacana’ sebagai bentuk praktik sosial yang tertumpu pada hubungan kuasa dan ideologi yang saling mempengaruhi dan berinteraksi antara satu sama lain. Praktik sosial menyiratkan hubungan dialektik antara peristiwa diskursif dengan situasi dan struktur institusi sosial. Hubungan tersebut merupakan praktik diskursif yang membentuk ideologi atau persepsi untuk memperlihatkan hubungan kekuasaan yang tidak setara, sama ada antara kelas sosial, wanita dan lelaki atau etnik dan minoriti (Fairclough & Wodak, 1997:258).

Kajian ini akan menggunakan model tiga dimensi yang juga dikenali sebagai Dialectical-Relational Approach (seterusnya DRA) Fairclough (1992) yang memfokuskan terhadap tiga dimensi analisis iaitu teks, praktik diskursif dan praktik sosiobudaya. Fairclough (1989) menjelaskan bahawa terdapat hubungan dialektik

antara praktik sosial dengan proses pembentukan wacana. Teks sebagai wacana berpotensi untuk mempengaruhi dan dipengaruhi masyarakat. Dalam erti kata lain, wacana membentuk hubungan dan identiti sosial berdasarkan konteks sosial dan ideologi pengguna bahasa. Menerusi DRA, kajian ini akan dapat melihat peranan institusi sosial dalam membentuk wacana, dan pada masa yang sama membuktikan bahawa bahasa juga dibentuk berdasarkan situasi sosial.

Konsep tiga dimensi Fairclough (1989; 1992; 2003) merangkumi; (1) struktur mikro yang menganalisis dari sudut linguistik seperti leksikon, sintaksis, morfologi dan unsur-unsur figuratif, (2) struktur meso memfokuskan tentang praktik diskursif yang menganalisis proses penghasilan, genre dan interteks, dan (3) struktur makro menjelaskan tentang praktik sosial yang memperlihatkan budaya dan nilai sesuatu masyarakat. Konsep tiga dimensi dapat digambarkan secara ringkas dalam rajah berikut:



Rajah 1: Ilustrasi tiga dimensi wacana [diadaptasi dari Fairclough, N. 1992. Discourse and Social Change (Hal. 93, Rajah 5-2). Cambridge: Polity Press].

Menerusi kerangka tiga dimensi Fairclough (1992), analisis teks merujuk kepada pemilihan makna dan kata kiasan seperti kosa kata, sistem tatabahasa dan unsur figuratif. Analisis proses pula merujuk kepada dimensi praktik diskursif bagi menentukan proses penghasilan dan penginterpretasian teks. Teks dihasilkan dalam konteks sosial yang berbeza maka penggunaan dan penghasilan teks boleh berbentuk individu atau kolektif. Menerusi model ini, Fairclough (1992) menggunakan tiga aspek utama yang menghubungkan teks dengan konteks sosial iaitu daya ujaran, koheren dan intertekstualiti dalam teks (Hussein, 2017). Analisis sosial pula merujuk pada dimensi praktik sosiobudaya. Analisis ini akan menunjukkan pelbagai jenis elemen sosial yang berkaitan dengan bidang kehidupan sosial tertentu, dan fungsi praktik sosial.

Selain itu, konsep tiga dimensi Fairclough (1992) juga dapat merungkai makna dan pengetahuan tersembunyi berdasarkan andaian yang didorong secara ideologi yang

berpotensi menjadikan hubungan kuasa yang tidak setara. Oleh itu, kajian ini akan membahaskan isu diskriminasi kaum yang berlaku dalam media sosial semasa pandemik gelombang kedua COVID-19 di NBD, berdasarkan tiga tahap analisis yang dijelaskan. Perincian juga akan dilakukan untuk menjelaskan perbezaan perspektif yang tersembunyi dalam wacana berkenaan.

Sorotan Literatur

Setiap komunikasi mengandungi konteks yang berbeza dan dapat dihuraikan menerusi kajian analisis wacana. Menurut Sidra Akbar Niazi dan Daniyal Hassan (2020), analisis wacana tidak terhad kepada satu pendekatan sahaja, malahan satu rangkaian pendekatan interdisiplin yang memperlihatkan norma sosiobudaya sesebuah masyarakat. Empat dekad lalu, analisis wacana telah mengembangkan pendekatan, metodologi, prosedur dan kerangka kerja mengenai data semiotik yang berbeza. Gergen (1985), dalam Sidra Akbar Niazi dan Daniyal Hassan (2020), mengatakan wacana sebagai praktik sosiobudaya yang menyumbang terhadap dunia sosial, serta elemen yang berkaitan dengan hubungan-hubungan sosial, identiti, pengetahuan dan pengekalan corak sosial.

Terdapat pelbagai pendekatan yang digunakan dalam kajian lepas berkaitan isu diskriminasi kaum. Kajian tidak hanya tertumpu terhadap bangsa atau kaum, malahan dilihat dari aspek agama, pekerjaan dan budaya. Misalnya, kajian Muhammad Farhan Hazaha et al. (2020) membincangkan tentang diskriminasi agama dalam kalangan pekerja beragama Islam. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap diskriminasi terhadap agama Islam antara jantina dan tahap diskriminasi terhadap agama Islam dengan pekerja yang berlainan agama.

Dalam kajian Aida Amalia (2021), isu diskriminasi dan kekerasan terhadap perempuan dalam novel Brian Khrisna This Is Why I Need You dibincangkan secara deskriptif kualitatif menggunakan model Sara Mills dari perspektif AWK. Sebagai genre yang mengangkat nilai feminism liberal, novel ini memaparkan filosofi aliran bahawa setiap manusia mempunyai hak asasi untuk hidup, hak kebebasan serta hak untuk mendapatkan kebahagiaan. Hasil penelitian mendapati bahawa isu diskriminasi dan kekerasan terhadap perempuan ditampilkan dengan sangat jelas dalam setiap cerita terutama sekali menerusi paparan ketidakadilan dan kekerasan yang dihadapi oleh orang-orang yang dilabel buruk oleh masyarakat terutama sekali golongan wanita.

Kajian Kukuh Ashar Utama (2014) pula berkaitan tentang stereotaip terhadap etnik Tionghoa. Kajian kualitatif deskriptif dan berdasarkan pendekatan AWK ini dilakukan bagi mengenal pasti beberapa bentuk stereotaip bersifat diskriminasi yang terdapat dalam dokumentasi Ernest Prakasa Merem Melek Tour Final di Jakarta, Indonesia. Dapatan kajian menemukan bentuk stereotaip dari sudut fizikal, sistem sosial yang menggambarkan perbezaan etnik Tionghoa sebagai golongan non-pribumi, serta aspek budaya dan perbezaan bahasa kaum Tionghoa yang dianggap sebagai budaya asli China.

Kajian Indrawati (2021) juga telah membahaskan isu perkauman dan perpaduan yang direpresentasikan dalam wacana pengguna Twitter Adidas. Menerusi ciapan di Twitter, kajian ini meneliti cara Adidas, sebagai produk jenama terkemuka, menyampaikan mesej mengenai perkauman dan perpaduan di media sosial. Bagi mengenal pasti maksud, tema dan representasi wacana ciapan yang digunakan oleh @adidas untuk bersuara menentang perkauman dan menyebarkan perpaduan, kajian kualitatif deskriptif telah digunakan. Dua belas ciapan telah dikumpul, dikodkan, dianalisis dan diuraikan menggunakan pendekatan AWK. Secara keseluruhan, kajian ini menemukan pernyataan deklaratif dan kemanusiaan sebagai tema yang paling banyak digunakan. Walaupun perkongsian ciapan tersebut adalah untuk menyampaikan mesej positif kepada pengguna dan pengikut Twitter, @adidas tampak lebih tegas bersuara menentang perkauman. @adidas juga menunjukkan komitmen dalam menyokong komuniti berkulit hitam, termasuk pekerja mereka sendiri dan komuniti Asia dengan menyebarkan perpaduan, keadilan dan kebebasan orang berkulit hitam di seluruh dunia.

Selain itu, kajian Fauziah dan Aviany (2021) telah membincangkan isu xenofobia semasa pandemik COVID-19. Kajian ini dilakukan untuk meneliti penggunaan klausula nama ‘virus Cina’ yang meningkatkan stigma sosial terhadap komuniti Cina. Sebanyak tiga ‘meme’ dari beberapa laman sesawang telah diperoleh sebagai data kajian, yang kemudian dianalisis secara deskriptif berdasarkan kerangka tiga dimensi Fairclough. Dapatkan kajian menunjukkan sikap xenofobia terhadap komuniti Cina tidak dapat dielakkan kerana dianggap sebagai lokasi asal penularan wabak COVID-19. Penggunaan ‘virus Cina’ dianggap relevan atas dasar keperluan untuk bertanggungjawab akibat kesan pandemik global oleh negara tersebut. Selain itu, China diserang dengan pembawaan stigma oleh warganet (netizen), yang meragui kualiti produk pengeluaran makanan dan jenama negara tersebut. Sikap xenofobia ini juga menyumbang kepada konflik antara Amerika dan Cina memandangkan istilah ‘virus Cina’ pertama kali digunakan oleh Presiden Trump.

Seterusnya, kajian Badriyah Yusof dan Hafiz Kasmin (2021) merupakan kajian tempatan yang membincangkan isu pandemik COVID-19 di media sosial. Kajian ini menggunakan model sosiokognitif van Dijk (2009). Objektif kajian adalah untuk merungkai elemen sosiokognitif di sebalik penggunaan tagar #janbabal, #janganbabal dan #covaval di Twitter, sebagai reaksi pengguna ‘Twitter’ kepada masyarakat tempatan yang tidak mematuhi Kawalan Pergerakan Sosial (KPS). Sebanyak 92 ciapan dianalisis dan sembilan situasi konteks dikenal pasti menerusi pengkategorian tematik; peringatan, marah, saranan atau nasihat, sindiran, keluhan, harapan, sokongan dan selainnya. Dapatkan menunjukkan pelbagai bentuk reaksi masyarakat terutamanya dalam menyebarkan perpaduan, menzahirkan sokongan terhadap inisiatif kerajaan, selain menunjukkan kepekaan terhadap kepentingan mematuhi KPS. Representasi linguistik pada tahapan makro dan mikro wacana memperlihatkan gabungan penanda retorik, kesantunan, multimodaliti dalam bentuk leksikon dan simbol, serta campur kod dalam situasi konteks yang ditemukan. Elemen sosiokognitif pula dapat dilihat menerusi fungsi direktif, asertif dan ekspresif. Secara tidak langsung, hubungan simbiotik sosiokognitif manusia dengan elemen

kebahasaan menggambarkan sebuah masyarakat yang membentuk bukan sahaja komuniti maya, malah wacana yang telah dihasilkan.

Kajian-kajian lepas menerapkan beberapa model AWK seperti yang dikemukakan oleh Sara Mills (1997), Fairclough (1992) dan van Dijk (2009) bagi membincangkan isu diskriminasi kaum. Data yang digunakan juga berbeza seperti kajian Aida Amalia (2021) yang memfokuskan isu diskriminasi dan kekerasan perspektif feminism dalam novel, dan kajian Indrawati (2021) yang meneliti isu perkauman orang berkulit hitam di Twitter. Kajian Fauziah dan Aviany (2021) pula membincangkan tentang isu diskriminasi semasa pandemik COVID-19 dengan menggunakan kerangka tiga dimensi Fairclough (1992). Walau bagaimanapun, isu diskriminasi kaum dalam skop yang besar dan hanya membincangkan isu yang berlaku di luar negara.

Kajian Badriyah Yusof dan Hafiz Kasmin (2021) pula merupakan kajian tempatan yang membincangkan isu COVID-19 di media sosial. Walau bagaimanapun, kajian tersebut dilakukan semasa pandemik gelombang pertama dan tidak berkaitan dengan isu diskriminasi kaum di negara ini. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan terhadap isu diskriminasi kaum yang berlaku di NBD, khususnya semasa situasi pandemik gelombang kedua COVID-19. Data yang digunakan ialah menerusi Facebook dengan mengaplikasikan konsep tiga dimensi Fairclough (1992).

Metodologi

Menerusi lensa AWK, kajian ini memanfaatkan konsep tiga dimensi Fairclough (1992). Lazimnya, AWK digunakan untuk meneliti hubungan kuasa yang terjalin dalam proses penghasilan teks (Baker et. al, 2013). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif bagi memfokuskan prinsip-prinsip umum yang didasari kewujudan makna dari gejala-gejala sosial dalam suatu masyarakat (Burhan Bungin, 2007). Kaedah ini merupakan teknik analisis yang sistematik dan mengandungi kategori-kategori berkaitan variabel tertentu sehingga dapat menghasilkan satu kesimpulan umum (Agung, 2005, dalam Ivena et al., 2015). Data digarap dari siaran (post) yang dimuat naik pentadbir akaun di halaman Brunei Dot Com (BDC), menerusi aplikasi Facebook pada 24 September 2021 (Lampiran A). Tiga komen dikutip sebagai data kajian berkaitan isu diskriminasi kaum yang terjadi di Pusat Vaksinasi, Stadium Tertutup. Berikut merupakan siaran dan komen pengguna Facebook yang dipilih sebagai data kajian:

“hmm memandangkan masa hari atau urg luar ramai d stadium walk in. apa patut kitani buat? Ah cemani saja kitani berunding sama emabassy2 yg tertentu lapas ani Kalau dapat program vaccine warga asing ani di embassy dorang kah atau tempat lain secara bergilir gilir mengikut negara masing masing, supaya nampak teratur dan terkawal”.

(Siaran yang diambil dari halaman Brunei Dot Com, 24 September 2021)

Bil	Komen-komen pengguna Facebook
-----	-------------------------------

Data 1	Cubatah jumaat pertama untuk lokal,pastu jumaat kedua untuk warga india,jumaat ketiga warga bangla,jumaat keempat pilipin dan sampai seterusnya kan sanang..ani kan betamu saja inda parut org dibelakang sama org dapan🤣🤣..warga india sama bangla lg suka bebaris sampai beimpit himpit
Data 2	(a) lihat saja kes hari ani naik mendadak sebab orang asing banyak kan beinjik tapi tidak ikut SOP beimpit2 payahkan dilarang oleh anggota bertugas ,kalau boleh pehak berkenaan buka tah 4 Daerah untuk vaksin ani jadi inda berebut2 beimpit2 bagi takut watir bah kan datang , (b) ngam..kmarin tu urg local ganya yg noda kna marahi,tpi yg mbuat petugas terais2 giritan ialah bangla,urg local merati lgi tpi bangla mcm inda ingau bh mkin petugas terais2 mkin plg drg penyulurkn
Data 3	Pling mudah mna2 rakyat luar negara yg bekerja dan tinggal di negara brunei,di sarankn ambil vaksin di kedutaan masing2 untok melancarkn pemberian vaksin..untok rakyat NBD 🇲🇾 tempat pengambilan sama saperti biasa yg di berikan sabelom ini..cadangan sj

Jadual 1: Komen-komen bagi menjawab isu yang disuarakan dalam siaran halaman Brunei Dot Com.

Seterusnya, data dianalisis menggunakan konsep tiga dimensi Fairclough (1992) dan dilakukan secara berperingkat; bermula dari analisis praktik sosiobudaya (makrostruktural), analisis praktik diskursif (mesostruktural) dan analisis teks (mikrostruktural). Ketiga-tiga dimensi tersebut kemudian diaplikasikan berdasarkan perbincangan analisis yang berbeza iaitu pertama, penjelasan mengenai praktik sosiobudaya yang berkaitan situasi, institusi dan sosial. Kedua, menganalisis interpretasi teks termasuk penghasilan dan penyebaran teks, dan ketiga secara deskriptif, yang bertujuan untuk menganalisis teks dari sudut linguistik. Kedua, menganalisis interpretasi teks termasuk penghasilan dan penyebaran teks (Fairclough, 1992, dalam Rengganis et. al, 2019).

Analisis

Berdasarkan pendekatan DRA, analisis kajian dapat dibahagikan mengikut konsep tiga dimensi Fairclough (1992); teks, praktik diskursif dan praktik sosiobudaya. Satu siaran (post) dipilih secara rawak, yang mengulas semula tentang isu kesesakan akibat pembukaan pengambilan vaksin secara jumpa terus yang berlaku di Pusat Vaksinasi, Stadium Tertutup. Menerusi siaran ini, tiga komen akan dianalisis untuk memerihalkan respon atau perspektif masyarakat tempatan tentang isu diskriminasi kaum terhadap warga asing yang menetap di NBD. Berikut merupakan siaran (post) yang diambil dari halaman Brunei Dot Com:

“hmm memandangkan masa hari itu urg luar ramai d stadium walk in. apa patut kitani buat? Ah cemani saja kitani berunding sama emabassy2 yg tertentu lapas ani Kalau

dapat program vaccine warga asing an ni di embassy dorang kah atau tempat lain secara bergilir gilir mengikut negara masing masing, supaya nampak teratur dan terkawal”.

(Siaran yang diambil dari halaman Brunei Dot Com, 24 September 2021)

Analisis Tahapan Makro

Dimensi ini menganalisis amalan sosiobudaya bagi mengungkap persepsi dan kesan wacana yang dihasilkan. Ketiga-tiga komen terhadap siaran yang dimaksudkan telah memperlihatkan persepsi warganegara Brunei terhadap bangsa asing yang menetap di negara ini. Beberapa konteks dikaitkan bagi mencerminkan norma sosiobudaya masyarakat Brunei dan warganegara asing yang berpunca daripada sikap diskriminasi kaum, sama ada secara sedar atau sebaliknya. Antara konteksnya adalah seperti cadangan pembahagian sesi pengambilan vaksin mengikut minggu, peningkatan kes mendadak akibat tidak mematuhi SOP, dan cadangan pelancaran pemberian vaksin bagi bangsa asing di kedutaan masing-masing. Siaran ini juga menunjukkan bahawa warganegara Brunei masih mempunyai sikap toleransi dan mengekalkan budaya sopan-santun dalam berbahasa. Menurut Azme Matali (2015), masyarakat Brunei sudah lama menanamkan sifat dan naluri berunsurkan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai sumber kehidupan seharian. Hal ini termasuk sifat tolong-menolong, hormat-menghormati, berawar galat dan bersopan santun (Muslihuddin Syah, 2014).

Berdasarkan konteks, warganegara Brunei dilihat sebagai masyarakat yang kaya dengan budi dan ciri kesantunan dalam berbahasa. Contohnya, data (1) dan (3) mengandungi persepsi berbentuk cadangan mengawal proses pengambilan vaksin bagi warganegara Brunei dan warga asing. Walau bagaimanapun, ditemukan juga konotasi negatif mengenai bangsa asing. Dalam hal ini, penggunaan DMB sebagai Bahasa Melayu digambarkan sebagai bahasa halus dan tidak langsung (Goddard, 1997). Menurut Radzlan et. al, (2020), masyarakat Melayu sangat menjaga air muka dan amat mementingkan pendapat mereka berbanding orang lain. Hal ini menunjukkan walaupun warganegara Brunei mengekalkan sifat kesantunan dalam berbahasa, wacana yang dibentuk secara tidak langsung masih menunjukkan sikap diskriminasi kaum terhadap bangsa asing.

Bangsa asing seperti India dan Bangladesh sering distereotaip sebagai ‘agresif’ dan ‘tidak boleh dipercayai’ (Belle, 2014, dalam Arokiam, 2018). Tingkah laku ‘agresif’ menunjukkan budaya bangsa asing yang suka bersesak-sesak. Kata ‘tidak boleh dipercayai’ boleh dikaitkan dengan sikap mereka yang tidak ambil peduli dan tidak mahu mematuhi SOP. Walau bagaimanapun, hal ini boleh berlaku kerana mereka mengalami kesukaran untuk memahami bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Ini menunjukkan sikap diskriminasi kaum warganegara Brunei berlaku akibat stereotaip yang melabel bangsa asing dari segi budaya dan tingkah laku yang berbeza daripada mereka.

Analisis Tahapan Meso

Dimensi ini menumpukan kepada ‘bagaimana’ wacana dihasilkan dan dimanfaatkan. Dalam hal ini, penghasilan wacana dalam halaman BDC melalui aplikasi Facebook. Facebook menyediakan kemudahan pengguna untuk berkongsi siaran secara awam (public). Media sosial Facebook menjadi sarana untuk berkomunikasi dengan orang ramai dan sebagai medium pemindahan maklumat serta berkongsi pendapat (Ziani, dalam Ziveria, 2017). Platform ini menyediakan sebuah halaman (page) yang boleh dicipta sendiri di samping membolehkan artis, tokoh terkenal, ahli perniagaan atau organisasi berhubung dengan peminat atau pengikut mereka (Facebook, n.d.). Setakat Januari 2020, NBD merupakan negara keempat tertinggi yang menggunakan platform media sosial, merangkumi sebanyak 310,000 pengguna Facebook (Media Permata, 2020). Dengan jumlah pengguna Facebook berskala tinggi, penghasilan wacana boleh diterokai dalam pelbagai bentuk. Antaranya menerusi keterbukaan platform halaman bernama Brunei Dot Com (BDC).

BDC dicipta pada tahun 2013 dan kini meraih sebanyak 197,172 jumlah suka dan 223,000 jumlah pengikut. BDC menjadi sebuah laman web media dan berita harian mengenai isu-isu yang berlaku di negara ini. Penghasilan wacana dalam halaman BDC lazimnya bertujuan untuk berkongsi isu atau berita penting. Dalam konteks kajian ini, siaran dan komen yang dihasilkan menerusi BDC membahaskan isu kesesakan yang terjadi pada pembukaan sesi pengambilan vaksin secara jumpa terus. Isu ini seterusnya menimbulkan konflik antara warganegara Brunei dan bangsa asing. Wacana yang ditemukan membuktikan bahawa sebahagian besar komen-komen tersebut berasal dari persepsi masyarakat tempatan. Persepsi ini seterusnya menyumbang kepada sikap diskriminasi warga asing. Dalam data (1) misalnya, kata ‘lokal’ muncul seiring dengan kata ‘warga’ yang melibatkan warga asing seperti India, Bangladesh dan Filipina. Penghasilan kata ‘warga’ dalam komen tersebut tidak dianggap sebagai perkara biasa, tetapi mempunyai maksud yang tersendiri. Kata ‘warga’ membawa maksud orang yang bukan rakyat sesuatu negara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2008). Hal ini menunjukkan konotasi negatif warganegara Brunei kepada warga asing yang membezakan kelas sosial mereka sebagai rakyat dan penduduk NBD. Bagi menjawab hal ini, memahami proses penghasilan wacana adalah penting untuk digunakan dalam dimensi praktik diskursif (Fairclough, 2001).

Data (1) dihasilkan secara sengaja dalam bentuk sindiran dan humor. Kata ‘lokal’ menjadi objek utama dalam wacana tersebut, sedangkan kata ‘warga’ menjadi sasaran terhadap isu yang berlaku;

(1a) “Cubatah jumaat pertama untuk lokal, pastu jumaat kedua untuk warga india,jumaat ketiga warga bangla,jumaat keempat pilipin dan sampai seterusnya kan sanang...”

Kata ‘lokal’ dalam data (1a) merujuk kepada orang tempatan; rakyat atau warganegara Brunei, dan jika merujuk kepada ayat ‘cubatah jumaat pertama untuk lokal, jumaat kedua … , jumaat ketiga … , jumaat keempat … ’, cadangan diberikan supaya rakyat Brunei diutamakan terlebih dahulu untuk mengambil vaksin, kemudian pada minggu-minggu berikutnya diutamakan kepada bangsa asing. Menurut United Nations Human Rights (2020), isu kritikal hari ini melibatkan protokol pengedaran vaksin berdasarkan

keutamaan kumpulan tertentu. Cadangan ini menunjukkan sikap diskriminasi kaum kerana mengandungi keputusan untuk mempertimbangkan keutamaan pengambilan vaksin terhadap warganegara Brunei, sedangkan Kementerian Kesihatan tidak mengkhususkan pengambilan vaksin mengikut kaum, malah mengutamakan dasar ‘first come first serve’. Keutamaan pengambilan vaksin perlu dilakukan berdasarkan kriteria yang telus, selaras piawaian serta norma hak asasi manusia bagi memastikan kesaksamaan, dan mengelakkan strata yang boleh menyumbang kepada sikap diskriminasi kaum.

Selain itu, terdapat juga ayat yang mengandungi unsur sindiran secara ironi disusuli dengan emotikon ketawa untuk memunculkan unsur humor (1b);

(1b) “... ani kan betamu saja inda parut org dibelakang sama org dapan🤣🤣..warga india sama bangla lg suka bebaris sampai behimpit himpit”.

Data (1b) berbentuk sindiran yang mengatakan sesuatu dengan maksud berlainan dari apa yang terkandung dalam rangkaian kata (Keraf, 2008). Walau bagaimanapun, ayat ini digunakan mengikut kesesuaian konteks yang dibicarakan. Selaras pendapat Foucault (dalam Fendler, 2004), nilai penaakulan manusia tidak berkurang dengan kemasukan ironi, sebaliknya nilai ini diperkuuh, membina taakulan dengan cara yang lebih mantap termasuk dengan cara berjenaka. Dalam hal ini, sindiran tersebut ditujukan kepada bangsa asing berikutan ayat warga india sama bangla lagi suka bebaris sampai behimpit-himpit. Ini menunjukkan persepsi negatif terhadap kelakuan warga asing yang suka bersesak-sesak ketika beratur menunggu giliran pemberian vaksin.

Seterusnya, data (2) mengandungi sikap perkauman terhadap bangsa asing meskipun golongan ini tidak disebut secara khusus. Bangsa asing dikatakan sukar mengikuti arahan petugas barisan hadapan sehingga dilabel tidak mengikuti SOP. Hal ini meninggalkan impak psikologi apabila sikap ekspresif berbentuk keluhan dapat dilihat menerusi wacana yang dihasilkan, iaitu tentang kemungkinan peningkatan kes positif COVID-19, yang seterusnya menimbulkan rasa takut dalam kalangan masyarakat untuk mengambil vaksin (2a)-(2b);

(2a) “ ... sebab orang asing banyak kan beinjik tapi tidak ikut SOP beimpit2 ...”
(2b) “... urg local merati lgi tpi bangla mcm inda ingau ... ”

Frasa (2b) menunjukkan maklum balas kepada frasa (2a), sebagai ulasan semula isu yang diperkatakan, iaitu mengenai kesukaran petugas barisan hadapan untuk mengawal situasi yang berlaku. Sikap diskriminasi dizahirkan dengan membandingkan warganegara Brunei dengan bangsa Bangladesh. Martinot et. al (2002) membuktikan bahawa perbandingan antara kaum boleh menjatuhkan harga diri kaum yang telah dinilai. Sikap perbandingan ini menyumbang kepada sikap diskriminasi kaum kerana mengusik sensitiviti kaum tersebut (Dumont et. al, 2006). Sebagai contoh, warganegara Brunei menghasilkan penggunaan kata ‘merati’ dan ‘inda ingau’ dan menganggap mereka lebih mendengar arahan petugas barisan hadapan, berbanding warga Bangladesh yang menunjukkan sikap tidak ambil peduli.

Selanjutnya, penghasilan ayat dalam data (3) menunjukkan representasi mental penutur mengenai bangsa asing. Hubbard (2007) menyatakan bahawa bahasa dapat merepresentasikan pemikiran di luar kesedaran. Bahasa tidak sepenuhnya menentukan pemikiran, tetapi penggunaan bahasa boleh mempengaruhi tabiat pemikiran dan tindakan (Asoulin, 2016). Hal ini dapat dilihat dari tahap kefahaman individu yang menganggap warga asing sebagai rakyat yang juga bekerja dan menetap di negara ini. Tambahan lagi, sikap neutral dan tidak bias juga dikekalkan dalam memberikan pendapat mengenai isu yang dibincangkan. Cadangan juga diutarakan kepada pihak kerajaan supaya mengkhususkan tempat pengambilan vaksin bagi bangsa asing di kedutaan masing-masing.

Meskipun demikian, terdapat juga penggunaan kata, yang menunjukkan persepsi tentang pengendalian yang tidak lancar akibat isu bersesak-sesak dalam kalangan bangsa asing seperti berikut:

(3) “Pling mudah mna2 rakyat luar negara yg bekerja dan tinggal di negara brunei,di sarankn ambil vaksin di kedutaan masing2 untuk melancarkn pemberian vaksin, untuk rakyat NBD  tempat pengambilan sama saperti biasa yg di berikan sabelom ini..cadangan sj”

Hal ini menunjukkan sikap perkauman kerana individu tersebut secara tidak langsung ingin mengekalkan kedudukan, kuasa dan hak istimewanya sebagai warganegara Brunei. Selaras kenyataan Cole (2017), pelaku dianggap melakukan diskriminasi dan prasangka sebagai alat untuk menegakkan stratifikasi etnik atau kaum, semata-mata untuk menguntungkan kaum mereka dan merugikan kaum lain. Sikap diskriminasi kaum menunjukkan kepercayaan tingkah laku dan moral yang mencerminkan suatu bangsa, sehingga menganggap bahawa bangsa tersebut lebih unggul daripada bangsa lain.

Dalam hal ini, sikap diskriminasi kaum ditunjukkan secara tidak sedar. Dalam ertikata lain, data (3) cuba mengekalkan sikap neutral tetapi pada masa yang sama juga menunjukkan sikap bias secara implisit. Penutur meskipun tidak memberikan persepsi negatif terhadap bangsa asing secara langsung namun mencetuskan kepercayaan untuk mengutamakan bangsanya. Di sini menunjukkan pengalihan perhatian semasa menghasilkan wacana dapat mewujudkan tindak balas afektif, tetapi berpotensi untuk mengelakkan prasangka dan emosi negatif (Gotlib & Joormann, 2010). Perubahan representasi mental memudahkan penilaian semula makna wacana serta menyumbang kepada keupayaan masyarakat untuk mengatur emosi dan sikap (Gross, 2002). Oleh yang demikian, penelitian secara tuntas perlu dilakukan untuk memahami mekanisme bahawa ketaksamaan antara kaum boleh dihasilkan semula tanpa disedari termasuk menerusi penghasilan wacana (Pyke, 2010).

Analisis Tahapan Mikro

Dimensi ini menganalisis teks dari aspek linguistik seperti penggunaan kata dan simbol. Merujuk data (1), penyataan yang cuba disampaikan ialah tentang cadangan individu mengenai strategi dalam mengawal isu kesesakan di Pusat Vaksinasi,

Stadium Tertutup. Dalam ayat (1a) misalnya, ditemukan beberapa kata dan frasa yang menandakan sikap diskriminasi kaum mengikut konteks;

(1a) “Cubatah jumaat pertama untuk lokal, pastu jumaat kedua untuk warga india,jumaat ketiga warga bangla,jumaat keempat pilipin dan sampai seterusnya kan sanang...”

Dalam (1a), kata bilangan pertama, kedua, ketiga dan keempat, diikuti kata nama lokal, india, bangla dan pilipin sebagai kumpulan warganegara yang menetap di NBD. Kata-kata tersebut membentuk satu ujaran yang menggambarkan keutamaan terhadap warganegara Brunei berbanding warga asing dalam mengambil vaksin. Contohnya, minggu pertama Pusat Vaksinasi dibukakan kepada warganegara Brunei, minggu kedua dan berikutnya bagi bangsa India, Bangladesh, Filipina dan seterusnya.

Kata diikuti penggunaan simbol juga ditemukan dalam data yang memperlekehkan bangsa India dan Bangladesh (1b);

(1b) “... ani kan betamu saja inda parut org dibalakang sama org dapan🤣🤣..warga india sama bangla lg suka bebaris sampai behimpit himpit”.

Merujuk data (1b), kata suka dan behimpit-himpit cuba menyifatkan bangsa India dan Bangladesh yang suka bersesak-sesak. Kata ‘suka’ menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2008) merupakan penanda kata kerja yang bermaksud gemar, sudi dan rela. Ini menunjukkan individu tersebut cuba menstereotaipkan bangsa India dan Bangladesh yang dikatakan gemar untuk berbaris dalam keadaan sempit dan sesak. Kemudian, penggunaan simbol emotikon ‘🤣🤣’ menunjukkan sikap mempersendakan sikap bangsa asing sehingga menyebabkan keadaan berada di luar kawalan. Emotikon ditakrifkan sebagai grafik gambaran ekspresi wajah yang digunakan dalam komunikasi bukan lisan yang bersifat elektronik (Walther dan D’Addario, 2001). Data (1) membuktikan sikap diskriminasi perkauman terhadap warga asing berdasarkan penggunaan kata dan emotikon.

Data (2) pula memperlihatkan dua komen sebagai interaksi antara dua individu. Data (2a) mengandungi ujaran tentang kemungkinan peningkatan kes jangkitan positif COVID-19, berikutan isu yang berlaku di Pusat Vaksinasi, Stadium Tertutup.

(2a) “lihat saja kes hari ani naik mendadak sebab orang asing banyak kan beinjik tapi tidak ikut SOP beimpit2 payahkan dilarang oleh anggota bertugas ..”

Kata kerja naik dan mendadak ditulis secara berurutan untuk menekankan isu kes jangkitan wabak COVID-19 yang dijangka meningkat secara drastik. Kata ‘naik’ bermaksud meningkat atau bertambah, manakala kata ‘mendadak’ bermaksud serta-merta atau tidak disangka-sangka (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2008). Hal ini dikaitkan dengan bangsa asing kerana terdapat penggunaan kata hubung sebab dalam frasa ... sebab orang asing... ’yang menjadi punca kemungkinan peningkatan kes jangkitan. Unsur stereotaip juga dikenal pasti dalam data (2a) dalam frasa ... payahkan dilarang. Menurut konteks, kata ‘payahkan’ membawa maksud degil atau sukar

menerima arahan. Pernyataan ini berbentuk sindiran terhadap warga asing yang sukar diikuti akibat sikap keras kepala dan sukar mematuhi arahan.

Warganegara Brunei dikatakan mematuhi arahan berbanding bangsa Bangladesh yang mengalami kesukaran mengikuti arahan, sehingga petugas barisan hadapan terpaksa menengking golongan tersebut (2b);

(2b) “... urg local ganya yg nada kna marahi, tpi yg mbuat petugas terais2 giritan ialah bangla, urg local merati lgi tpi bangla mcm inda ingau bh mkin petugas terais2 mkin plg drg penyulurkn”.

Kata local dan nada telah memperlihatkan perbandingan antara warganegara Brunei dan bangsa Bangladesh. Bagi merepresentasi sikap lokal dalam teks, frasa ... nada kna marahi ... dan kata merati telah digunakan. Kata ‘nada’ merupakan bentuk nafi ‘tidak’ kerana ‘nada’ menjadi unsur nafi bagi frasa kerja ‘kna marahi’ (Nik Safiah et. al, 2010). Tambahan lagi, kata ‘merati’ dalam data (2a) memperkuatkan lagi penafian tersebut yang bermaksud mendengar cakap dalam BMS. Berbanding bangsa Bangladesh, sikap warganegara Brunei dipuji kerana mematuhi arahan yang diberikan semasa proses pengambilan vaksin.

Dalam data (3), perkara yang cuba disampaikan ialah cadangan kepada Kementerian Kesihatan supaya membahagikan tempat pengambilan vaksin bagi warganegara Brunei dan bangsa asing;

(3) “rakyat luar negara yg bekerja dan tinggal di negara brunei, di sarankn ambil vaksin di kedutaan masing2 untuk melancarkn pemberian vaksin ... ”


Dalam cadangan tersebut, individu dalam data (3) tidak mengutamakan mana-mana pihak, sebaliknya mencadangkan supaya pengambilan vaksin bagi bangsa asing ditempatkan di kedutaan masing-masing, manakala di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup dikekalkan bagi warganegara Brunei. Cadangan ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya kesesakan semasa proses pengambilan vaksin. Walau bagaimanapun, kata luar negara dan di kedutaan masing2 berbaur sikap perkauman kerana memperlihatkan maksud untuk tidak menyatukan bangsa asing dengan warganegara Brunei.

Seterusnya, kata melancarkan mengandungi unsur pragmatik. Unsur-unsur pragmatik dapat dilihat menerusi tindak turut lokusi, ilokusi dan perlokusi Austin dalam (Schiffin, 2007). Dalam analisis tahapan mikro, tindak turut lokusi dan ilokusi dapat dilihat menerusi frasa untuk melancarkn pemberian vaksin.... Menurut Chaer dan Agustina (2014) tindak turut lokusi ialah sesuatu ujaran dalam ayat yang mudah difahami. Kata ‘melancarkan’ berbentuk pernyataan bahawa proses pengambilan vaksin akan berjalan dengan cekap. Manakala unsur tindak turut ilokusi juga dikenal pasti. Tindak turut ilokusi merupakan suatu tindakan dalam ujaran yang memiliki maksud tertentu (Searle, 1974). Dalam hal ini, ujaran tersebut cukup jelas maksudnya iaitu itu situasi pusat vaksinasi di Stadium Tertutup tidak akan timbul jika pengasingan warga asing dengan warganegara Brunei dijalankan, sebagai langkah untuk melancarkan proses pengambilan vaksin.

Perbincangan

Berdasarkan analisis kajian, kesemua komen menunjukkan persepsi masyarakat Brunei terhadap bangsa asing. Sikap diskriminasi kaum ditampilkan sama ada dalam bentuk sindiran, humor atau stereotaip. Selain itu, warganegara Brunei secara tidak langsung menggambarkan sikap xenofobia kepada bangsa asing. Berdasarkan penelitian, data (1) dan (3) menunjukkan sikap perkauman, manakala data (2) menjana sikap xenofobia. Sikap perkauman merupakan pembentukan ideologi yang menganggap mereka berkuasa berdasarkan sifat fizikal dan budaya seperti warna kulit dan bahasa, manakala sikap xenofobia menggambarkan sikap, prasangka dan tingkah laku yang menolak, mengecualikan dan menganiaya orang asing (Hennebry & KC, 2020).

Walau bagaimanapun, sikap xenofobia hanya ditunjukkan atas faktor tidak berpuas hati dengan kelakuan bangsa asing, berikutan isu bersesak-sesak yang berlaku di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup. Tambahan lagi, sikap ini boleh berlaku di luar kesedaran individu. Sebagai contoh, penutur mengemukakan cadangan namun berdasarkan penggunaan ayat dan kata, penutur secara tidak langsung menunjukkan sikap xenofobia yang secara tidak langsung menyumbang kepada sikap diskriminasi kaum. Berdasarkan penggunaan konsep tiga dimensi Fairclough, hal ini dapat diperincikan seperti berikut:



Rajah 2: Triangulasi berdasarkan konsep tiga dimensi Fairclough (1992)

Rajah 2 memaparkan ilustrasi konsep tiga dimensi Fairclough dalam bentuk triangular. Dalam hal ini, wacana merujuk kepada komen yang diambil dari halaman Brunei Dot Com, berkaitan sikap diskriminasi kaum warganegara Brunei terhadap bangsa asing.

Sikap ini dilihat menerusi tiga tahapan dimensi Fairclough (1992). Pada tahapan makro, sikap diskriminasi kaum dilihat berdasarkan praktik sosiobudaya antara warganegara Brunei dan bangsa asing. Warganegara Brunei dikatakan bersopan santun dalam berbahasa dan pada masa yang sama, mementingkan pendapat mereka sendiri berbanding orang lain. Hal ini menyebabkan kedangkalan persepsi warganegara Brunei sehingga menyebabkan berlakunya sikap diskriminasi kaum.

Tahapan makro menganalisis amalan sosiobudaya bagi mengungkap persepsi dan kesan wacana yang dihasilkan. Wacana dalam ketiga-tiga komen mencerminkan sosiobudaya masyarakat Brunei. Keharmonian dan kesepadan hidup bermasyarakat membawa peranan penting antara kaum. Jika tidak wujud perpaduan masyarakat mala tidak wujud juga sikap penerimaan dan toleransi dalam kelompok sosial. Oleh yang

demikian, hal ini menimbulkan perselisihan antara masyarakat Brunei dan bangsa asing. Perselisihan berpunca daripada halangan komunikasi (language barrier) dan sikap masyarakat itu sendiri.

Halangan komunikasi telah mengehadkan keupayaan individu untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran sehingga menimbulkan faktor perselisihan antara kaum. Sebagai contoh, bangsa asing menghadapi kesukaran untuk memahami arahan yang disampaikan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pada masa yang sama, masyarakat Brunei tidak bersikap terbuka dalam menghadapi situasi tersebut. Hal ini mencerminkan norma sosiobudaya di negara ini apabila kedua-dua pihak tidak mengamalkan sikap penerimaan dan toleransi. Tambahan lagi, perbezaan budaya kedua-dua pihak menunjukkan nilai kehidupan yang berlainan. Oleh itu, keterikatan budaya telah mempengaruhi tingkah laku mereka sehingga menimbulkan isu diskriminasi kaum.

Pada tahapan meso, persepsi warganegara Brunei dapat diteliti menerusi praktik diskursif. Praktik ini mencakup proses penghasilan dan penggunaan wacana. Dalam hal ini, Facebook menjadi alat untuk membincangkan isu yang berlaku di Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup. Menerusi laman sosial Brunei Dot Com, satu siaran awam berikutnya isu tersebut telah dimuat turun dan memberikan ruang kepada pengguna Facebook, untuk memberikan persepsi menerusi ulasan masing-masing. Pada tahapan ini, sikap diskriminasi kaum boleh berlaku secara tidak sengaja. Contohnya, persepsi berbentuk keluhan telah meninggalkan impak psikologi. Representasi mental juga mampu mengatur emosi dan sikap setiap individu. Oleh itu, individu boleh menunjukkan sikap bias secara implisit, walaupun cuba bersikap neutral. Pada tahapan mikro, kesemua komen diteliti berdasarkan penggunaan kata secara literal. Dimensi ini menganalisis teks dari sudut linguistik, iaitu dari segi penggunaan kata nama, kata bilangan, kata hubung, kata kerja dan simbol emotikon. Selain itu, dimensi ini memfokuskan pada intertekstualiti dan interdiskursiviti. Intertekstualiti memfokuskan kepada ‘bagaimana’ teks merujuk kepada teks sebelumnya, manakala interdiskursiviti difahami sebagai jenis peminjaman ciri-ciri wacana atau genre yang lebih abstrak (Fairclough & Fairclough, 2015). Oleh itu, sikap diskriminasi kaum juga dapat direpresentasikan menerusi teks dalam komen berkenaan.

Kesimpulan

Penggunaan bahasa dalam Facebook menerusi halaman Brunei Dot Com telah menunjukkan praktik sosial yang diterapkan di negara ini. Dengan maksud lain, masyarakat bukan sahaja membentuk wacana, malah wacana yang dihasilkan secara tidak langsung membentuk mereka sebagai satu masyarakat. Budaya, identiti dan persepsi masyarakat terbentuk berdasarkan wacana yang telah dihasilkan. Dalam situasi pandemik gelombang kedua COVID-19 di NBD, media sosial juga telah memainkan peranan penting bagi berkongsi maklumat, dan pada masa yang sama menjadi pemangkin dalam menyebarkan sikap diskriminasi yang boleh menimbulkan konflik antara kaum, terutamanya jika tidak membatasi pemilihan bahasa yang digunakan. AWK menjadi pendekatan berkesan bagi mendekonstruksi kepakaran dan

identiti pengguna Facebook menerusi wacana. Penyelidik akan datang diharap dapat meneruskan lagi kajian ini secara komprehensif menggunakan pendekatan berbeza.

Rujukan

- Akbar, S., & Hassan, D. (2020). The Gender, Class and Racial Discrimination in Alabama: a cultural approach to CDA: Critical Discourse Analysis. *Global Media and Social Sciences Research Journal (GMSSRJ)*, 1(2), 50-72.
- Arokiam, S. (2018). Tragic Orphans: Indians in Malaysia. *Institutions and Economies*, 147-149.
- Asoulin, Eran. (2016). Language as an instrument of thought. *Glossa: a journal of general linguistics*. 1. 10.5334/gjgl.34.
- Azlan Othman, ‘Jumlah Pengguna Internet Negara Meningkat, *Media Permata*, 9 Jun 2020.
- Azme, B. H. M. (2015). Seminar Internasional “Wasatiyah Islam on Southeast Asia”, 13 Jun 2015. *Islam Wasatiyah: Pengalaman Negara Brunei Darussalam*.
- Badriyah Yusof, & Hafiz Kasmin. (2021). Analisis Kritis Penggunaan Tagar (Hashtags) Dalam Wacana Pandemik Covid-19 Dan Hubungannya Dengan Sosiokognitif Masyarakat Twitter Di Negara Brunei Darussalam [Tidak diterbitkan]. Universiti Brunei Darussalam.
- Baker, P. Gabrielatos, C., & McEnery, T. (2013). Sketching Muslims: A corpus driven analysis of representations around the word ‘Muslim’ in the British press 1998–2009. *Applied linguistics*, 34(3), 255-278.
- Bugin, Burhan. (2007). Penelitian Kualitatif: Komunikasi, Ekonomi, Kebijakan Publik, Dan Ilmu Sosial Lainnya. Jakarta: Kencana.
- Cenderamata, R. C., & Darmayanti, N. (2019). Analisis Wacana Kritis Fairclough Pada Pemberitaan Selebriti di Media Daring. *Literasi: Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia serta Pembelajarannya*, 3(1), 1-8.
- Clearesta, I., Angelina, G., & Wiradharma, G. (2015). Pengalaman Konsumen Terhadap Layanan Gojek di Kota Jakarta: Studi Kualitatif Deskriptif. *Jurnal Komunikasi dan Bisnis*, 6(1).
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). Kamus Dewan Edisi Keempat. Pusat Rujukan Persuratan Melayu.
- Dumont, M., Seron, E., Yzerbyt, V. Y., & Postmes, T. (2006). Social comparison and the personal-group discrimination discrepancy. *Social comparison and social psychology: Understanding cognition, intergroup relations, and culture*, 228-246.
- Fairclough, N. (1989). Discourse and power. *Language and power*, 2-76.
- Fairclough, N. (1992). Discourse and Text: Linguistic and Intertextual Analysis within Discourse Analysis. *Discourse & Society*, 3(2), 193–217. doi:10.1177/0957926592003002004
- Fairclough, Norman. (1995). *Media Discourse*. London: Edward Arnold.
- Fairclough, N., & Wodak, R. (1997). Critical discourse analysis', in van Dijk, TA (ed.) *Discourse as social interaction. Discourse studies: A multidisciplinary introduction*. Volume, 2, 258-284.
- Fairclough N. (2003). *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. New York, NY: Routledge.

- Fairclough, N., & Fairclough, I. (2015). Textual analysis. In Routledge handbook of interpretive political science (pp. 198-210). Routledge.
- Fauziyah, N. N., & Aviany, N. (2021, January). Xenophobia Attitude during Covid-19 Pandemic: A Disease Naming Stigma. In The 10th National Online Seminar on Linguistics, Language Teaching and Literature (Vol. 10, No. 1, pp. 183-202).
- Fendler, L. (2004) Praxis and Agency in Foucault's Historiography, Studies in Philosophy and Education, 23(5), 445-466.
- Foucault, M. (1996). What is critique? In What is enlightenment? (pp. 382-398). University of California Press.
- Goddard, C. (1997). Cultural values and 'cultural scripts' of Malay (Bahasa Melayu). Journal of pragmatics, 27(2), 183-201.
- Gotlib, I. H., & Joormann, J. (2010). Cognition and depression: current status and future directions. Annual review of clinical psychology, 6, 285.
- Gross, J. J. (2002). Emotion regulation: affective, cognitive, and social consequences. Psychophysiology, 39, 281-291.
- Haji Mustafa, M. S. (n.d.). Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014. Dalam Nilai-Nilai Islam dalam Sosio-Budaya Masyarakat Brunei Darussalam. Diambil dari https://www.researchgate.net/publication/330779927_NILAI-NILAI_ISLAM_DALAM_SOSIO-BUDAYA_MASYARAKAT_BRUNEI_DARUSSALAM
- Hazaha, M. F., Rahman, R. H. A., & Rahman, N. L. A. (2020). Religious Discrimination among Muslim Employees/Diskriminasi Agama Dalam Kalangan Pekerja Muslim. Sains Humanika, 12(3).
- Hennebry, J. and H. KC, 2020. Quarantined! Xenophobia and migrant workers during the COVID-19 pandemic. International Organization for Migration (IOM). Geneva.
- Hoepfner, Y. (2006). Critical discourse analysis analyzing the beauty advertisement discourse: Dove's campaign for real beauty. Frankfurt: European University Viadrina. Accessed May, 6, 2017.
- Hubbard, T. (2007). What is Mental Representation? And How Does It Relate to Consciousness? Journal of Consciousness Studies, 14(1-2), 37-61.
- Hussein, B. A. (2017, May 6). The Dialectical-Relational Approach to Critical Discourse Analysis [Slides]. SlideShare. <https://www.slideshare.net/bekhalhussein/the-dialecticalrelational-approach-to-cda#:~:text=This%20approach%20of%20CDA%20analysis,%2C%20between%20semiotic%20%26%20other%20elements>
- Indrawati, D. (2021). Critical discourse analysis on representation of racism and solidarity in Adidas's tweets. Lingua Cultura, 15(1), 109-119. <https://doi.org/10.21512/lc.v15i1.7108>
- Janks, H. (1997) Critical Discourse Analysis as a Research Tool, Discourse: Studies in the Cultural Politics of Education, 18:3, 329-342 <https://www.uv.es/gimenez/Recursos/criticaldiscourse.pdf>

- Kartikasari, S. (2020). Analisis Wacana Kritis Norman Fairclough terhadap Pemberitaan Jokowi Naikkan Iuran BPJS di Tengah Pandemi. An-Nida: Jurnal Komunikasi Islam, 12(2), 113-124.
- Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam. (2021, September 23). Press Release on the Current Situation of COVID-19 in Brunei Darussalam [Press release]. <https://t.me/govbnofficial>
- Khan, M., Adil, S. F., Alkhathlan, H. Z., Tahir, M. N., Saif, S., Khan, M., & Khan, S. T. (2021). COVID-19: a global challenge with old history, epidemiology and progress so far. *Molecules*, 26(1), 39.
- Martinot, D., Redersdorff, S., Guimond, S., & Dif, S. (2002). Ingroup versus outgroup comparisons and self-esteem: The role of group status and ingroup identification. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 28, 1586-1600.
- Pratiwi, W. A. (2012). Diskriminasi perempuan dalam berita harian Surya: Kajian Wacana Kritis. Surakarta: FKIP Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Pyke, K.D., 2010. What is internalized racial oppression and why don't we study it? *Sociological Perspectives*, 53(4): 551-572.
- Radzlan, R., Rosnon, M. R., & Shaari, J. (2020). Images in the Human Mind: Between Stereotype and Reality of the Ethnic Groups in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(16), 412-422.
- Safiah, N., Onn, F. M., Musa, H. H., & Mahmood, A. H. (2010). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Searle, J. R. (1974). *Studies in the Theory of Speech Act: expression and meaning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sobur, A. (2009). *Analisis Teks Media: Suatu Pengantar untuk Analisis Wacana, Analisis Semiotik, dan Analisis Framing*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya Offset.
- Utama, K. A. (2014). Analisis Wacana Kritis Stereotip Etnis Tionghoa pada Pertunjukan Stand-up comedy yang Ditampilkan Ernest Prakasa. Skripsi, Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Airlangga, Surabaya.
- Walther, J. B., & D'Addario, K. P. (2001). The impacts of emoticons on message interpretation in computer-mediated communication. *Social Science Computer Review*, 19, 324–347.
- Wardani, A. N. A. K. (2021). *Isu Diskriminasi Dan Kekerasan Terhadap Perempuan Dalam Perspektif Feminisme (Studi Analisis Wacana Kritis Sara Mills Pada Novel This Is Why I Need You Karya Brian Khriksna)* (Doctoral dissertation, Universitas Mercu Buana Yogyakarta).
- Williams, D. R., John, D. A., Oyserman, D., Sonnega, J., & Mohammad, S. A. (2012). Research on discrimination and health: An exploratory study of unresolved conceptual and measurement issues. *American Journal of Public Health*, 102(5), 975-978
- Wodak, R. (1999). Critical discourse analysis at the end of the 20th century. *Research on Language & Social Interaction*, 32(1-2), 185-193.
- Wodak, R., & Meyer, M. (Eds.). (2009). *Critical Discourse Analysis: History, Agenda, Theory and Methodology*. Dalam *Methods of Critical Discourse Analysis* (2nd ed., hal. 1–33). SAGE Publications.

Ziveria, M. (2017). Pemanfaatan Media Sosial Facebook Sebagai Sarana Efektif Pendukung Kegiatan Perkuliahinan di Program Studi Sistem Informasi Institut Teknologi dan Bisnis Kalbe. Jurnal Sains dan Teknologi, 4(2).

LAMPIRAN (A)

Tangkapan skrin Facebook Brunei Dot Com berkaitan isu Pusat Vaksinasi Stadium Tertutup, Berakas Brunei.

 Brunei Dot Com
24 September jam 6:55 PTG · ●

postkan

Asalamualaikum admin, kelmarin paling teruk que ku meliat d stadium kelmarin bagi yang walk-in. Poor management pihak tertentu. Sepatutnya sebelum kn membagitau orang ramai mengenai walk-in vaccinasi ani patutnya ada sudah plan2 dalam tangan.

1) confirm ramai urg ne ah? Ok kalau ramai urg kitani limit pakai numbur ikut sesi pagi/patang/malam

2) confirm bnyk kereta ne kawasan kn ke stadium? Ok kalau cematu awal kitani berunding sama pasukan pulis untuk awal sudah memgawal/memblock jln masuk kesana

3) hmm memandangkan masa hari itu urg luar ramai d stadium walk in. apa patut kitani buat? Ah cemani saja kitani berunding sama emabassy2 yg tertentu lapas ani Kalau dapat program vaccine warga asing ani di embassy dorang kah atau tempat lain secara bergilir gilir mengikut negara masing masing, supaya nampak teratur dan terkawal.

Sekian abis sesi meeting

Wasalam

 107 55 Komen 4 Perkongsian